

LPT: Pas mahu Pusat bersikap telus

KUALA TERENGGANU 24 Dis. — Kerajaan Terengganu mahu Kerajaan Pusat bersikap telus dan jujur berhubung isu pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) di negeri itu dan bukannya meletakkan pelbagai syarat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi negeri, Yahaya Ali berkata, syarat seperti pengeluaran subsidi oleh kerajaan negeri tidak perlu dilaksanakan jika Kerajaan Pusat benar-benar jujur.

“Projek ini (LPT) sebenarnya dah dirancang dari awal sejak masa pemerintahan kerajaan lalu (Barisan Nasional) dan masa itu tak ada pun soal subsidi yang dikenakan ke atas kerajaan negeri untuk ayariat-syarikat terbabit.

“Sepatutnya perkara ini sudah selesai, malah Menteri Besar, Abdul Hadi Awang sendiri menyatakan kesudiannya untuk berunding mengenainya.

“Jadi Kerajaan Pusat kenalah juga menghormati kerajaan negeri Terengganu dan apabila sekarang ini timbul pula banyak sangat syarat, menunjukkan Kerajaan Pusat tidak jujur,” ujarnya di sini hari ini.

Isu pembinaan LPT dari

Kuantan ke Chendering mula tercetus ekoran tindakan kerajaan Terengganu menghapuskan pembayaran tol di Jambatan Sultan Mahmud sebaik sahaja Pas berjaya menawan negeri itu.

Berikutan itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu menyatakan pendirian Kerajaan Pusat untuk membatalkan hasrat membina LPT di Terengganu jika kerajaan Terengganu mahu kutipan tol dihapuskan.

Sehinggalah semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Terengganu perlu memberi subsidi kepada pemaju projek LPT jika tidak mahu rakyatnya dibebankan dengan kadar tol tinggi.

Yahaya yang juga wakil rakyat Pas kawasan Alur Limbat bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenainya sewaktu diminta berbuat demikian.